

## DS 5 PENGUKUHAN PERHUBUNGAN DESA

Cadangan inisiatif jalan luar bandar ini adalah melibatkan satu (1) cadangan tindakan strategik yang merangkumi 20 kampung bagi mencapai perancangan Desa Sejahtera. Perincian tindakan dan program adalah sebagaimana berikut:

### DS 5.1: Cadangan Menaiktaraf Jalan Desa

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya, khususnya masyarakat desa sendiri agar dapat memudahkan penduduk desa menerima akses langsung kepada kawasan dan perkhidmatan seperti sekolah serta pekan agar dapat meningkatkan sosioekonomi masyarakat desa.
- Memastikan masyarakat desa mempunyai laluan aksesibiliti yang baik agar tidak berlaku kemalangan atas faktor keadaan jalan raya.
- Reka bentuk dan struktur jalan raya adalah mengikut aktiviti utama kawasan desa seperti kawasan desa yang memiliki hasil pengeluaran pertanian yang tinggi.

##### Komponen Cadangan:

- Melebarkan jalan perhubungan antara kawasan desa kepada kawasan pertanian dan pelancongan desa.
- Menaiktaraf keadaan jalan yang tidak berturap kepada jalan berturap.
- Struktur jalan raya yang baik dan sesuai digunakan bagi setiap masyarakat desa.

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta.
- Pengambilan tanah. (bagi yang melibatkan tanah persendirian / swasta)
- Pelaksanaan insentif seperti pengurangan bayaran cukai atau lain – lain kepada tanah pemilikan swasta.

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **21 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar / Desa
Johor Bahru	5	2
Kota Tinggi	-	4
Pontian	-	10
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>16</b>

#### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>JPKK</li> <li>Pejabat Daerah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>KPLB</li> <li>JKR</li> <li>BPENJ</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS

- Kos Pelebaran Jalan Bagi Setiap Kilometer = RM 100,000
- Jumlah Panjang Keseluruhan Pelebaran Jalan = 34 km

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 3,400,000**

#### FASA PELAKSANAAN



## Penemuan Strategik

Cadangan inisiatif jalan perhubungan desa dapat dikenalpasti melalui penemuan strategik bagi mencapai perancangan Desa Sejahtera. Perincian penemuan adalah sebagaimana berikut:

- Tahap kemudahsampaian desa bagi kawasan di Wilayah Johor Selatan berada pada tahap yang baik dan mudah diakses.
- Keadaan jalan raya bagi sebahagian kawasan desa berada pada tahap yang tidak memuaskan berikutan aktiviti bagi kawasan desa tersebut adalah berasaskan hasil pertanian.
- Perkhidmatan Bas Muafakat Johor di Wilayah Johor Selatan adalah tertumpu di kawasan bandar dan pinggir bandar sahaja.
- Kawasan desa yang mengutamakan aktiviti yang berasaskan pertanian seperti padi dan sawit mengalami kerosakan pada jalan raya.



Foto: Antara Permukaan Jalan Raya di Kawasan Daerah Johor Bahru

Sumber : Kajian Lapangan, 2019



Foto: Keadaan Jalan Perhubungan Bagi Kawasan Daerah Kota Tinggi

Sumber: Kajian Lapangan, 2019

## CADANGAN LOKASI

### i. Daerah Johor Bahru:

#### Kampung Tebing Runtuh

Jalan keluar masuk Kampung Tebing Runtuh yang merupakan jalan perhubungan desa yang menghubungkan jalan dalam kampung dan ke Jalan Nakhoda Avenue yang menghubungkan kampung ke kawasan sekitar dan bandar perlu dinaiktaraf daripada jalan 6 meter (20') kepada 9 meter (30'). Rajah 5.13 menunjukkan lokasi bagi jalan yang memerlukan penaiktarafan pelebaran jalan.

Jadual 5.28: Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Tebing Runtuh

Cadangan	Penurapan dan pelebaran jalan masuk kampung
Mukim	Pulai
Lokasi	Sepanjang jalan masuk Kampung Tebing Runtuh
Panjang	0.55 kilometer
Status Pemilikan	Pejabat Daerah Johor Bahru

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Rajah 5.13: Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Tebing Runtuh Daerah Johor Bahru



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Petunjuk:

- Cadangan pelebaran Jalan Perhubungan Desa (Jalan masuk Kampung Tebing Runtuh)
- Jalan Nakhoda Avenue

#### Kampung Sungai Melayu

Kampung Sungai Melayu yang terkenal dengan pelancongan eko merupakan produk desa. Jalan perhubungan masuk ke Kampung Sungai Melayu yang menghubungkan kepada Jalan Marlborough dan Lebuhr Iskandar perlu dinaiktaraf daripada 6 meter (20') kepada 9 meter (30') bagi memudahkan lagi pergerakan pelancong dan penduduk sekali gus dapat meningkatkan kehadiran pelancong di Kampung Sungai Melayu. Rajah 5.14 menunjukkan lokasi jalan yang perlu dinaiktaraf.

Jadual 5.29: Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Sungai Melayu

Cadangan	Pelebaran jalan masuk kampung
Mukim	Pulai
Lokasi	Sepanjang jalan masuk Kampung Sungai Melayu
Panjang	6.30 kilometer
Status Pemilikan	Sunway Group

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Rajah 5.14: Cadangan Pelebaran Jalan Kampung Sungai Melayu Daerah Johor Bahru



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Petunjuk:

- Cadangan pelebaran Jalan Perhubungan Desa (Jalan masuk Kampung Sungai Melayu)
- Jalan Marlborough
- Lebuhr Iskandar

## CADANGAN LOKASI

### Kampung Sungai Temon

Kampung Sungai Temon merupakan salah satu kawasan pelancongan eko dan merupakan produk desa yang mampu menarik kehadiran pelancong. Keadaan semasa Jalan Sungai Temon dihubungkan kepada Jalan Sri Laguna 2 bagi ke pusat bandar perlu dinaiktaraf kepada jalan 9 meter (30') bagi meningkatkan lagi tahap perhubungan penduduk serta kehadiran pelancong. Rajah 5.15 menunjukkan lokasi jalan yang perlu dinaiktaraf di Kampung Sungai Temon.

Jadual 5.30: Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Sungai Temon

Cadangan	Pelebaran jalan masuk kampung
Mukim	Pulai
Lokasi	Sepanjang jalan masuk Kampung Sungai Temon
Panjang	0.51 kilometer
Status Pemilikan	Pejabat Daerah Johor Bahru

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

### Kampung Perigi Aceh

Jalan Kampung Perigi Aceh merupakan jalan keluar masuk utama yang menghubungkan penduduk di kampung Perigi Aceh kepada Jalan Tengar yang merupakan jalan perhubungan utama bagi menghubungkan Kampung Perigi Aceh ke kawasan sekitar dan ke kawasan bandar. Peningkatan jalan Kampung Perigi Aceh daripada 6 meter (20') kepada 9 meter (30') dapat memberikan kemudahan kepada penduduk serta pelancong untuk mengakses kampung tersebut dan dapat meningkatkan lagi kehadiran pelancong. Rajah 5.16 menunjukkan lokasi jalan masuk ke kampung Perigi Aceh yang perlu dinaiktaraf.

Jadual 5.31 : Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Perigi Aceh

Cadangan	Pelebaran jalan masuk kampung
Mukim	Sungai Tiram
Lokasi	Sepanjang jalan Kampung Perigi Aceh
Panjang	1.82 kilometer
Status Pemilikan	Pejabat Daerah Johor Bahru

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Rajah 5.15: Cadangan Pelebaran Jalan Kampung Sungai Temon Daerah Johor Bahru



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

#### Petunjuk:

— Cadangan pelebaran Jalan Perhubungan Desa (Jalan Sungai Temon Asli)

— Jalan Sri Laguna

Rajah 5.16: Cadangan Pelebaran Jalan Kampung Perigi Aceh Daerah Johor Bahru



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

#### Petunjuk:

— Cadangan pelebaran Jalan Perhubungan Desa (Jalan Kampung Perigi Aceh)

— Jalan Tengar

## CADANGAN LOKASI

### Kampung Kong Kong Laut & Kampung Sg. Latoh

Jalan Kong Kong merupakan jalan perhubungan antara Kampung Kong Kong Laut dan Kampung Sungai Latoh. Saiz semasa jalan ini adalah 6 meter (20') dan perlu dinaiktaraf kepada 9 meter (30') bagi memudahkan pergerakan penduduk dan juga kenderaan pengangkutan bagi produk IKS desa Taman Lebah Kelulut yang terletak di Kampung Sungai Latoh. Rajah 5.17 menunjukkan lokasi bagi jalan perhubungan antara kampung yang perlu dinaiktaraf di Kampung Kong Kong Laut dan Kampung Sungai Latoh.

Jadual 5.32: Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Kong Kong Laut dan Kampung Sungai Latoh Daerah Johor Bahru

Cadangan	Pelebaran jalan perhubungan antara kampung
Mukim	Sungai Tiram
Lokasi	Sebahagian Jalan Kong Kong
Panjang	1.24 kilometer
Status Pemilikan	JKR Negeri Johor

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

### Sedili Besar


Jalan Sembilang merupakan jalan perhubungan desa yang menghubungkan antara kampung dan juga jalan keluar dan masuk utama yang menghubungkan Kampung Kampung di Sedili Besar kepada Jalan Sedili iaitu Jalan Perhubungan Utama yang menghubungkan kawasan Desa – Bandar. Selain kegunaan penduduk, Jalan Sembilang juga turut diakses oleh kenderaan pertanian kelapa sawit bagi membawa hasil tani ke kilang pemprosesan. Keadaan semasa Jalan Sembilang perlu dinaiktaraf daripada 6 meter (20') kepada 9 meter (30') bagi memudahkan pergerakan kendereraan antara penduduk kampung dan kenderaan pertanian. Rajah 5.18 menunjukkan lokasi Jalan Sembilang yang perlu dinaiktaraf.

Jadual 5.33 : Cadangan Perlebaran Jalan Sembilang Daerah Johor Bahru

Cadangan	Pelebaran jalan masuk kampung
Mukim	Sedili Besar
Lokasi	Sepanjang Jalan Sembilang
Panjang	1.27 kilometer
Status Pemilikan	Felcra

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Rajah 5.17: Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Tanjung Langsat Daerah Johor Bahru



Petunjuk:

- Cadangan pelebaran Jalan Perhubungan Desa (Jalan Kong Kong)
- Jalan Kong Kong (Jalan Perhubungan Negeri)

Rajah 5.18: Cadangan Perlebaran Jalan Sembilang Daerah Johor Bahru



Petunjuk:

- Cadangan pelebaran Jalan Perhubungan Desa (Jalan Sembilang)
- Jalan Sedili (Jalan Perhubungan Negeri)

### CADANGAN LOKASI

#### iii. Daerah Pontian:

##### Kampung Permatang Duku

Jalan Permatang Duku dan Jalan Parit Archong merupakan jalan kampung yang menghubungkan penduduk kampung kepada Jalan madirono dan Jalan Tampok – Parit Betak dan berperanan sebagai jalan perhubungan negeri. Jalan ini turut diakses oleh pengangkutan pertanian untuk masuk ke kawasan ladang kelapa sawit. Cadangan jalan kampung ini dinaiktaraf kepada 9 meter (30'). Rajah 5.19 menunjukkan jalan perhubungan dalam kampung yang perlu dinaiktaraf.

Jadual 5.34 : Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Permatang Duku dan Parit Archong

Cadangan	Pelebaran jalan masuk kampung
Mukim	Benut
Lokasi	Sepanjang Jalan Masuk Kampung
Panjang	4.50 kilometer
Status Pemilikan	Pejabat Daerah Pontian

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

##### Kampung Permas Kelapa & Kampung Permatang Sg. Karang


Jalan Haji Ali dan Jalan Hassan merupakan jalan perhubungan yang menghubungkan Kampung Permas Kelapa kepada jalan baru (Tanjung Piai – Pekan Nanas) yang kini sedang berada di dalam pembinaan. Jalan ini juga turut diakses oleh kenderaan pertanian sawit. Manakala Jalan Hj. Taib merupakan jalan yang menghubungkan Kampung Permas Kelapa dan Kampung Permatang Sg. Karang dan terus ke Jalan Permas – Chokoh. Keadaan semasa jalan ini perlu dinaiktaraf kepada 9 meter (30') bagi memudahkan pergerakan kenderaan dan penduduk.

Jadual 5.35 : Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Permas Kelapa & Kampung Permas Sg. Karang

Cadangan	Pelebaran jalan perhubungan kampung
Mukim	Ayer Masin
Lokasi	Kampung Permas Kelapa & Kampung Permatang Sg. Karang
Panjang	8.42 kilometer
Status Pemilikan	Pejabat Daerah Pontian

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Rajah 5.19: Cadangan Perlebaran Jalan Permatang Duku dan Parit Archong Daerah Pontian




Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Petunjuk:

- Cadangan pelebaran Jalan Perhubungan Desa (Jalan Pt. Archong, Permatang Duku & Permatang Sepam)
- Jalan Tampok – Parit Betak & Jalan Madirono (Jalan Perhubungan Negeri)

Rajah 5.20: Cadangan Pembinaan Jalan Perlebaran Kg. Permas Kelapa Daerah Pontian



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Petunjuk:

- Cadangan pelebaran Jalan Perhubungan Desa (Jalan Hj. Ali, Jalan Hassan, Jalan Hj. Taib)
- Jalan Permas – Chokoh (Jalan Perhubungan Negeri)
- Cadangan Jalan Tg. Piai – Pekan Nanas

## CADANGAN LOKASI

### Jalan Kampung Baru - Permas Ulu

Jalan Kampung Baru - Permas Ulu menghubungkan kampung Permas Hulu, Kampung Baru & Kampung Baharu kepada Jalan Permas – Chokoh & Jalan Pekan Nanas - Tg. Piai yang kini berada di dalam pembinaan. Saiz semasa jalan ini adalah 6 meter (20') perlu dinaiktaraf kepada 9 meter (30') bagi memudahkan penduduk yang menggunakan jalan ini bagi mengakses kepada kampung dan jalan perhubungan utama. Jalan masuk ke kampung Parit Jakun juga perlu dinaiktaraf bagi melancarkan lagi perjalan penduduk untuk keluar dan masuk ke kampung serta ianya menghubungkan kepada jalan Kampung Baru.

Jadual 5.36 : Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Serkat Timur & Kampung Perpat Darat.

Cadangan	Pelebaran jalan perhubungan Desa
Mukim	Ayer Masin
Lokasi	Jalan Kampung Baru - Permas Ulu
Panjang	6.00kilometer
Pemilik Tanah	Pejabat Daerah Pontian

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

### Kampung Sungai Boh


Jalan Pekan Nenas – Tanjung Piai yang turut menghubungkan kepada Jambatan Sungai Pulai yang kini berada di dalam pembinaan turut menghubungkan kepada Kampung Sungai Boh dan kampung – kampung bersebelahan. Bagi meningkatkan tahap aksesibiliti penduduk di kampung terutamanya kepada Tanjung Piai dan Pekan Nanas yang merupakan pusat tarikan sosial, Jalan kampung Sungai Boh kepada 9 meter (30'). Rajah 5.22 menunjukkan lokasi bagi penaiktarafan Jalan Chokoh Darat dan cadangan Pembinaan Persimpangan Tanjung Bin.

Jadual 5.37 : Cadangan Perlebaran Jalan Kampung Sungai Boh.

Cadangan	Pelebaran jalan perhubungan kampung & Pembinaan Jalan Perhubungan
Mukim	Sungai Karang
Lokasi	Jalan Chokoh Darat
Panjang	1.00 kilometer
Status Pemilikan	Pejabat Daerah Pontian

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Rajah 5.21: Cadangan Perlebaran Jalan Perhubungan Kg. Permas Kelapa Daerah Pontian




Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Petunjuk:

- Cadangan pelebaran Jalan Perhubungan Desa
- Jalan Permas – Chokoh (Jalan Perhubungan Negeri)
- Cadangan Jalan Tg. Piai – Pekan Nanas

Rajah 5.22: Cadangan Pelebaran Jalan Kampung Sungai Boh Daerah Pontian




Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Petunjuk:

- Cadangan pelebaran jalan perhubungan desa (Jalan Chokoh - Sungai Boh)
- Jalan Permas – Chokoh (Jalan Perhubungan Negeri)
- Jalan Jeti Nelayan
- Cadangan Jalan Tanjung Piai – Pekan Nanas
- Jalan Tanjung Bin
- Jambatan Sg. Pulai

Rajah 5.23: Cadangan Menaiktaraf Rangkaian Jalan Daerah Johor Bahru



PETUNJUK:


- Taburan Kampung Daerah Johor Bahru
- Sempadan Bandar (UGB dan UCB)
- Sempadan Fasa 1 (Johor Selatan)
- Sempadan Daerah
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

Cadangan Menaiktaraf Rangkaian Perhubungan:

- Cadangan Menaiktaraf Rangkaian Jalan

Rajah 5.24: Cadangan Menaiktaraf Rangkaian Jalan Daerah Kota Tinggi



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019


PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Kota Tinggi
- [Blue hatched box] Sempadan Bandar (UGB dan UCB)
- [Red box] Sempadan Fasa 1 (Johor Selatan)
- [Dashed blue line] Sempadan Daerah
- [Green line] Lebuhraya PLUS
- [Yellow line] Rangkaian Jalan Raya
- [Black line] Laluan Kereta Api
- [Light blue box] Laut

Cadangan Menaiktaraf Rangkaian Perhubungan:

- [Green line] Cadangan Menaiktaraf Rangkaian Jalan

Rajah 5.25: Cadangan Menaiktaraf Rangkaian Jalan Daerah Pontian



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Pontian
- Sempadan Bandar (UGB dan UCB)
- Sempadan Fasa 1 (Johor Selatan)
- Sempadan Daerah
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut

Cadangan Menaiktaraf Rangkaian Perhubungan:

- Cadangan Menaiktaraf Rangkaian Jalan